

6 program perkasa belia Felda

UM-12/12/2008

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan enam program bagi memperkasakan dan membangunkan golongan belia di tanah rancangan Felda seluruh negara.

Beliau berkata, kesemua program tersebut adalah pemangkin bagi melahirkan belia Felda yang mampu menjadi contoh terbaik kepada generasi muda di negara ini.

Katanya, enam program itu merangkumi bidang kepimpinan, keusahawanan, sukan, perumahan dan latihan kemahiran.

"Dalam bidang kepimpinan, kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan Konvensyen dan Anugerah Belia Felda Malaysia (ABFM) sebagai acara tahunan bertujuan mengembangkan bakat kepimpinan di kalangan belia Felda.

"Untuk tujuan itu, kita telah memperuntukkan sekurang-kurangnya RM2 juta setahun. Felda juga akan memberi tumpuan sewajarnya kepada bidang keusahawanan," katanya.

Najib berkata demikian ketika melancarkan Konvensyen dan ABFM 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar; Pengerusi Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor dan Pengarah Seranta Felda di Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Maslan.

Najib yang diberi tanggungjawab memantau pembangunan Felda berkata, pihaknya amat menggalakkan golongan belia Felda yang terdiri daripada anak dan cucu peneroka terlibat dalam bidang keusahawanan kerana ia merupakan sektor yang mempunyai jaminan masa depan.

Bagaimanapun, perhatian khas hanya diberikan kepada usahawan belia Felda yang berdaya saing.

Sekiranya terpilih, Felda akan membantu mereka dalam bentuk memberi pinjaman tanpa faedah.

"Skim ini dikenali sebagai Skim Insentif Usahawan Felda (SIUF). Setakat ini sebanyak RM58.5 juta daripada RM100 juta yang diperuntukkan telah pun diberikan kepada 3,926 usahawan peneroka Felda.

"Oleh itu keutamaan untuk diberi pinjaman daripada baki RM41.5 juta lagi itu ialah usahawan belia Felda, dengan harapan lebih ramai generasi kedua dan ketiga

Program itu merangkumi bidang kepimpinan, keusahawanan, sukan, perumahan dan latihan kemahiran

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

Felda terlibat dalam bidang keusahawanan," katanya.

Dalam bidang perumahan pula, Najib berkata, kerajaan akan memastikan generasi belia Felda tidak dipinggirkan daripada menikmati skim perumahan yang selesai di tanah rancangan itu.

Ujar beliau, melalui projek Perumahan Warga Felda (PWF), setiap peneroka termasuk golongan belia berhak untuk tinggal sama ada di rumah kos rendah berharga RM35,000 atau kos sederhana (RM60,000) berdasarkan kepada kelayakan mereka.

"Kita kini dalam proses merangka pinjaman daripada pihak bank untuk memudahkan anak peneroka membuat pinjaman perumahan.

"Sekiranya diterima anak peneroka yang tidak mempunyai pendapatan tetap boleh juga mendapat pinjaman dengan jaminan ibu bapa mereka," ujarnya.

Dalam bidang sukan pula, beliau berkata, dua projek akan dilaksanakan iaitu pembinaan lebih banyak dewan serbaguna dan kompleks sukan komuniti serta pembentukan pasukan bola sepak Felda United.

Program yang terakhir, katanya, adalah memberi lebih banyak peluang latihan kemahiran kepada anak Felda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang gagal melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

"Ini adalah program terpenting bagi memberi peluang kedua kepada belia lepasan SPM dan STPM yang gagal melanjutkan pelajaran. Pada tahun lalu sebanyak 5,000 belia telah dilatih dengan peruntukan RM25 juta.

"Pada tahun ini pula peruntukan telah ditambah sekali ganda menjadi RM50 juta untuk melatih 7,000 belia lagi. Kita sentiasa memberi komitmen untuk meneruskan program ini," tambahnya.